

# Pelaksanaan dan Persepsi Pelajar Terhadap Strategi Pembelajaran dan Kemahiran Insaniah dalam Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Malaya

## *Implementation and Perception of Students on Learning Strategies and Soft Skills in Islamic and Asian Civilization Course (TITAS) at University of Malaya*

Faridah Che Husain<sup>1</sup>, Faezah Kassim<sup>2</sup>, Noor Ain Mat Noor<sup>3</sup>, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis<sup>4</sup>, Mohd. Syariefudin Abdullah<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> Pusat Pemcetus Bakat dan Latihan Industri (CITra), Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia;

<sup>5</sup> Jabatan, Pengajian Kewarganegaraan dan Kemasyarakatan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak.

### *Progres Artikel*

Diterima: 1 November 2017

Disemak: 26 Mac 2018

Diterbit: 7 September 2018

\*Corresponding Author:

Faridah Che Husain,  
Pusat Pemcetus Bakat  
dan Latihan Industri  
(CITra), Universiti  
Malaya, Kuala Lumpur  
Malaysia.

Email:

faridah.ch@gmail.com

**Abstrak:** Kursus TITAS telah dilaksanakan di Universiti Malaya dan ditawarkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama Universiti Awam (UA) sejak sesi akademik 1998/1999 melalui pelbagai pendekatan. Kursus TITAS mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan isi kandungan kursus dan diwajibkan kepada semua pelajar tanpa mengira bidang pengajian mereka. Kursus TITAS juga merupakan satu kursus yang penting untuk memupuk dan menyuburkan semangat persefahaman, hormat-menghormati dan hidup yang harmonis antara kaum, budaya, agama dan kepercayaan di Malaysia. Bagi memastikan nilai-nilai dan persefahaman antara budaya dapat diterapkan dalam diri pelajar, strategi pembelajaran telah dipelbagaikan bersesuaian dengan keperluan kursus ini. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan strategi pembelajaran kursus TITAS di Universiti Malaya dan persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran yang menerapkan elemen Kemahiran Insaniah (KI) serta pencapaian mereka bagi memperoleh KI tersebut. Kajian ini memfokuskan dua elemen KI iaitu kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran berkomunikasi. Kaedah kajian perpustakaan digunakan bagi menjelaskan pelaksanaan kursus TITAS di Universiti Malaya. Manakala kajian lapangan dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik kepada 120 pelajar bagi meninjau pencapaian KI mereka. Hasil analisis data diuraikan secara deskriptif iaitu dalam bentuk peratusan dan kekerapan atau frekuensi. Kajian ini mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran dan kaedah penilaian adalah signifikan dan memberi kesan yang positif kepada pencapaian yang diperoleh dalam penilaian kerja kursus dan pencapaian KI. Pelajar tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan tugas secara berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang. Mereka juga kurang berminat untuk melaksanakan tugas berbentuk laporan bertulis berbanding tugas yang dilihat lebih menyeronokkan terutamanya melibatkan aktiviti luar kelas.

**Kata kunci:** Kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS), strategi pembelajaran, kemahiran insaniah, pelajar

**Abstrak:** The TITAS course has been implemented at the University of Malaya and is offered to all first-degree students in public universities since academic session of 1998/1999 through various approaches. The TITAS course has its own uniqueness based on course content and is compulsory to all students regardless of their field of study. This course is important to foster and nurture the spirit of understanding, respect, and harmony between races, cultures, religions and beliefs in Malaysia. To ensure the values and understanding between cultures can be applied to the students, the learning strategy has been diversified to the needs of this course. This paper therefore aims to explain TITAS's learning strategies in University of Malaya and student perceptions on learning strategies that embody the Soft Skills (KI) elements and their achievements in achieving the KI. This study focuses on two elements of KI that is teamwork skills and communication skills. This study uses library study method

to explain the implementation of the TITAS course at the University of Malaya. A survey was conducted with distribution of questionnaires to 120 students to determine their KI achievement. Results are analysed descriptively in percentage and frequency form. It is found that students' perceptions of learning strategies and assessment methods were significant and had a positive effect on their courseworks and KI achievements. Students are not faced with problems in carrying out group assignments that involved various ethnic backgrounds. They are also less interested in carrying out written report tasks than fun-filled tasks, especially involving out-of-class activities.

**Keywords:** Islamic and Asian Civilization Course; learning strategies; soft skills; students

## Pengenalan

Langkah kerajaan memperkenalkan kursus ketamadunan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan suatu tindakan yang tepat untuk mengisi ruang keintelektualan pelajar dengan elemen kemahiran insaniah. Nilai-nilai ketamadunan yang diterapkan secara langsung dalam pengajian kursus TITAS mampu mendidik kemahiran berinteraksi sesama pelajar yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza. Sekurang-kurangnya kursus TITAS membantu melahirkan pelajar yang mampu mencetuskan kesejahteraan insan dalam sesebuah masyarakat serta menjadi ejen kelangsungan perkembangan sesebuah tamadun.

Kursus TITAS mempunyai matlamat untuk mencapai gagasan situasi semasa di samping menimbulkan kesedaran kepada pelajar yang realitinya berhadapan dengan kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Pelajar daripada pelbagai kaum yang mengikuti kursus ini dapat memupuk perasaan saling menghormati, memperkukuhkan jati diri, berilmu dan berpandangan luas serta dapat memberi sumbangan dalam membangunkan negara Malaysia. Selain itu, ia merupakan perubahan ke arah memberikan pendedahan kepada pelajar IPT mengenai kepentingan mengenali kepelbagaian tamadun dalam sejarah peradaban dunia dan Asia.

Bagi memastikan matlamat gagasan tersebut tercapai, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dan efektif perlu untuk dilaksanakan. Justeru, penghasilan kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kursus TITAS di Universiti Malaya, kaedah atau strategi pembelajaran dalam menerapkan kemahiran insaniah serta persepsi pelajar terhadapnya. Seterusnya, pencapaian pelajar dalam KI turut dibincang bagi melihat keberkesanan strategi pembelajaran dalam menerapkan KI.

## Latar Belakang Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di IPT

Pelaksanaan kursus ketamadunan di IPT adalah selari dengan aspirasi negara yang peka terhadap perubahan semasa bagi menghasilkan kurikulum terkini yang diperlukan negara, pasaran dan pelajar. Menurut Hashim (2005), kursus ketamadunan yang dikenali sebagai kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam sebagai memenuhi konsep universiti sebagai pembekal ilmu kepada masyarakat.

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkenalkan pengajian ketamadunan atau kursus TITAS di institusi pengajian tinggi di negara ini merupakan suatu tindakan yang tepat. Menurut Y.B. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak dalam ucapannya pada 9hb Julai 1997, kursus ini bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada para pelajar UA supaya memahami dan prihatin tentang Tamadun Islam dan beberapa tamadun di rantau ini, seterusnya mewujudkan sikap keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tersebut sesuai dengan konteks Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum dan agama. Di samping itu, ia juga bertujuan menyediakan para pelajar supaya mempunyai *mind-set* yang tepat serta dapat mewujudkan semangat saling kenal mengenal dan hormat menghormati antara pelbagai tamadun (Abdul Latif & Mohamad Sabri, 2000).

## Konsep dan Takrif

Bukan mudah untuk menyediakan sesuatu kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa. Perubahan pantas dalam bidang teknologi dan maklumat seringkali menuntut peningkatan ilmu dan kemahiran. Kegagalan institusi pengajian tinggi menyediakan kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa dari pihak industri akan menyebabkan graduan yang dikeluarkan tidak mempunyai daya pasaran (Muhamad Rahimi Osman, 2010).

Kursus ini bukan sekadar memberikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar tetapi juga menerapkan unsur KI iaitu kemahiran berinteraksi yang mendorong

wujudnya hubungan sosial dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Interaksi adalah satu elemen penting dalam memantapkan ketamadunan manusia. Sejarah ketamadunan yang dibina oleh manusia sejak zaman Nabi Adam menyaksikan proses interaksi yang sentiasa berterusan. Interaksi dari sudut pengajian tamadun bermaksud hubungan, pertemuan, komunikasi dan sebagainya antara individu, kelompok, masyarakat dan seterusnya negara. Secara realitinya, interaksi yang berlaku ialah antara individu dengan masyarakat yang mewakili tamadun tersebut. Interaksi tidak semestinya berlaku kerana tujuan tertentu, malah ia boleh berlaku secara tidak langsung sama ada di peringkat nilai, idea, institusi dan insan (Tamadun Islam dan Tamadun Melayu, 2006; Tamadun Islam dan Tamadun Asia, 2001).

Bagi memastikan bahawa kaedah penyampaian menghasilkan pembelajaran yang berkualiti, pendekatan pengajaran perlu sentiasa mencari kelainan dan secara berterusan membuat perubahan terhadap kaedah yang digunakan. Terdapat beberapa teori yang berkait rapat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah behaviorisme, kognitivisme dan konstruktivisme. Antara teori yang dinyatakan, teori konstruktivisme sejajar dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Teori konstruktivisme berdasarkan andaian bahawa manusia membentuk perspektif tentang dunia mereka sendiri melalui pengalaman masing-masing (Schuman, 1996). Teori ini telah dipelopori oleh Bartlett diikuti oleh Bruner, Ulrick, Neiser, Goodman, Kant, Kuhn, Dewey, Habermas dan Piaget (Good & Brophy, 1990).

Walau apa pun kaedah penyampaiannya, tenaga pengajar perlu memastikan bahawa setiap sesi pengajaran dan pembelajaran pelajar perlu sentiasa aktif dan mengambil bahagian. Pembelajaran tidak semestinya berlaku sewaktu sesi bersemuka antara tenaga pengajar dan pelajar sahaja. Bahkan, pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk di luar sesi bersemuka atau bilik kuliah. Oleh itu, tenaga pengajar perlu memberikan ruang dan peluang kepada pelajar di luar sesi bersemuka dengan memberi tugas. Pelajar diberi peluang untuk meneroka pembelajaran sendiri. Seseorang tenaga pengajar boleh mempelbagaikan aktiviti termasuk perbincangan, pembentangan, sesi soal jawab, aktiviti refleksi dan sebagainya yang memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk meneroka potensi kemahiran insaniah mereka dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran (Jamaludin Haji Badusah et. al, 2009).

Keseimbangan dalam aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran hidup adalah perlu bagi memastikan seseorang individu itu berfungsi dengan baik dalam keluarga dan masyarakat (Andreas Totu, 2010). Persoalan mengenai aspek tersebut dan didikan yang

seharusnya diberikan bagi membolehkan seseorang itu hidup dengan baik di tempat kerja dan juga di rumah telah dibincang oleh Martin (1994),

*...this is now the overriding question: How can we educate both the men and women for carrying out the productive and reproductive processes in society, for living well in both the public world of work and private world of home?*

Bagi mencapai keseimbangan tersebut, kursus TITAS yang dilaksana telah memasukkan elemen-elemen yang dilihat mampu untuk menghasilkan individu berfungsi seperti mana yang diinginkan. Kursus TITAS telah dilengkapkan dengan elemen kemahiran insaniah iaitu kerja berpasukan dan kemahiran berkomunikasi. Memandangkan kursus ini wajib diikuti oleh kesemua pelajar, maka kepentingan kursus TITAS sebagai kursus wajib universiti tidak seharusnya dipandang rendah. Syed Hussein Alatas (1998) pernah menyebut tentang kepentingan kursus-kursus seperti ini,

*It is not a mere distribution of disparate knowledge taken from here and there simply to meet the requirement of a degree. It is selecting attention on definite themes in an analytic and intellectual fashion, not covered by professional disciplines, the goals of which, are not to develop a career but to develop the total personality. It is not the intention to teach a little of everything but to teach enough of certain things.*

Pandangan ini juga dinyatakan oleh Muhamad Rahimi Osman (2010) bahawa kursus pengajian umum atau kursus universiti tidak boleh dijadikan satu program sampingan, sebaliknya ia perlu dilihat sebagai satu kursus yang perlu dilaksanakan secara serius dan berkesan. Ini adalah kerana kursus-kursus ini berkait rapat dengan aspek nilai dan kemanusiaan yang dapat membina jati diri bangsa.

## Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif iaitu:

1. Menjelaskan pelaksanaan kursus TITAS di Universiti Malaya.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar dalam strategi pembelajaran dan KI yang diterapkan dalam kursus TITAS.
3. Menganalisis pencapaian KI pelajar dalam kursus TITAS.

## Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas 120 orang pelajar Universiti Malaya daripada satu semester sahaja iaitu pada Semester 1 Sesi 2016/2017. Kajian ini merupakan satu kajian rintis yang mana menurut Polit et. al. (2001; Abd. Majid Konting, 2003), kajian rintis merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Bagi mencapai objektif pertama dan ketiga, kajian perpustakaan digunakan iaitu menjelaskan tentang pelaksanaan kursus TITAS khususnya mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran dan menganalisis pencapaian KI pelajar dalam kursus ini. Bagi objektif kedua, dapatan kajian adalah secara deskriptif iaitu dalam bentuk peratusan dan kekerapan atau frekuensi untuk menganalisis data. Responden merupakan pelajar Tahun 1 yang mengikuti kursus wajib universiti Tamadun Islam dan Asia (TITAS) di Universiti Malaya. Jumlah keseluruhan pelajar yang mendaftar kursus tersebut pada Semester 1, Sesi 2016/2017 adalah seramai 1961 orang.

Tinjauan persepsi dilakukan bagi mendapatkan gambaran minat, keinginan dan pengetahuan pelajar terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran kursus TITAS. Pecher & Zwaan (2005) berpegang kepada teori bahawa proses mental manusia disokong oleh persepsi dan tindakan. Dengan kata lain, struktur kognitif manusia berkembang daripada persepsi tindakannya (Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad, Normala Othman, 2010). Manakala sikap memainkan peranan penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha. Sikap dibentuk daripada pengalaman dan persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara atau fenomena. Persepsi seseorang itu terhadap sesuatu perkara akan membentuk sikap mereka terhadap perkara tersebut. Sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu di dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak. Seterusnya, sikap adalah sesuatu yang terhasil dari perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi (Azizi Yahaya et. al, 2007). Ini bermakna, persepsi pelajar terhadap kursus TITAS akan membentuk sikap mereka terhadap elemen-elemen KI.

Dapatan kajian akan menjelaskan mengenai pelaksanaan kursus TITAS sebagaimana yang dinyatakan di dalam objektif pertama kajian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah perpustakaan iaitu kupasan dan huraian berdasarkan kepada Buku Panduan SKET, dokumen MQF kursus TITAS dan tulisan mengenai kursus TITAS yang berdasarkan pengalaman daripada UA lain dalam melaksanakan kursus ini. Pengumpulan maklumat dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik kepada 120 pelajar yang dipilih secara rawak berdasarkan kumpulan pengajaran yang

telah ditetapkan. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A mengenai persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran; Bahagian B mengenai persepsi pelajar terhadap kerja berpasukan; dan Bahagian C mengenai persepsi pelajar terhadap kemahiran berkomunikasi. Pencapaian pelajar terhadap KI kerja berpasukan dilakukan melalui analisis terhadap kriteria aplikasi nilai dalam kerja kumpulan yang terdapat dalam pemarkahan kerja berkumpulan. Manakala bagi KI kemahiran berkomunikasi diperolehi melalui pembentangan pelajar.

Borang soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis data adalah berbentuk deskriptif dan diuraikan menggunakan nilai frekuensi atau kekerapan dan peratusan. Borang soal selidik menggunakan jawapan berdasarkan skala Likert 5 tahap iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, agak setuju, setuju dan sangat setuju. Kaedah ini sangat membantu dalam bidang penyelidikan serta dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan (Azizi Yahya et.al, 2007).

## Dapatan Kajian

Pelaksanaan kursus TITAS di Universiti Malaya adalah bertujuan untuk merealisasikan hasrat membentuk individu yang seimbang. Kemahiran insaniah yang terdapat di dalam kursus ini terdiri daripada kerja berpasukan dan kemahiran berkomunikasi yang mana kedua-duanya terkandung di dalam Hasil Pembelajaran ketiga dan keempat iaitu mengaplikasikan nilai-nilai murni yang dikongsi bersama dalam memupuk semangat persefahaman dan saling menghormati terhadap pelbagai tamadun dan agama serta menunjukkan kebolehan berinteraksi dan berdialog sesama dan berlainan budaya (Buku Panduan SKET, 2016/2017).

Bagi membincangkan kemahiran insaniah yang terkandung di dalam kursus TITAS, strategi pembelajaran adalah pendekatan atau kaedah yang digunakan untuk menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah yang ingin dikuasai oleh pelajar. Dalam bidang pendidikan, strategi bermaksud kebijaksanaan memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam satu-satu pengajaran dan pembelajaran berdasarkan objektif pelajaran dan hasil pembelajaran yang telah ditentukan. Pemilihan strategi haruslah berdasarkan pertimbangan terhadap teori pembelajaran, pendekatan kaedah dan teknik mengajar. Pemilihan dan pengurusan strategi yang sesuai akan menghasilkan pencapaian hasil pembelajaran yang berkesan (Mok Soon Sang, 2010; Abd. Aziz Abd. Talib, 2000). Strategi pembelajaran ini jugalah yang akan mendedahkan para pelajar dengan pelbagai kemahiran

Pelaksanaan P&P kursus TITAS di Universiti Malaya sebelum Sesi 2014/2015 menggunakan strategi

pembelajaran berasaskan kuliah, kerja lapangan dan pembentangan. Kuliah akan disampaikan oleh pensyarah dari minggu pertama hingga minggu kesepuluh dan diikuti dengan pembentangan hasil tugas pada minggu kesebelas hingga keempat belas. Manakala bagi strategi pembelajaran kerja kursus pula terdiri daripada dua bahagian iaitu melalui hasil tugas kerja kursus dan pembentangan. Kerja kursus ini perlu dilakukan berdasarkan kajian lapangan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk membuat kajian dan pemerhatian sendiri tentang ilmu ketamadunan di Malaysia. Salah satu tujuan utama kursus TITAS ialah untuk menyumbang kepada pencapaian cita-cita negara untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat negara ini (Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia, 2009).

Kursus TITAS yang dilaksanakan bermula Semester 1 sesi 2014/2015 melibatkan beberapa perubahan dari beberapa aspek hasil daripada kajian terdahulu yang memperlihatkan kelemahan dalam mencapai kemahiran insaniah tertentu. Kemahiran insaniah yang diterapkan dalam kursus ini adalah kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, dan etika dan moral profesional. Penambahan elemen etika dan moral profesional dalam kursus ini adalah bersesuaian dengan matlamatnya yang menerapkan nilai-nilai dan persefahaman antara pelbagai budaya melalui kaedah pembelajaran kuliah, lawatan sambil belajar, kerja kursus, dialog dan pembentangan (Pemetaan: Kursus – Kemahiran Insaniah, Dokumen MQF).

Hasil Pembelajaran Kursus yang ketiga iaitu “Menunjukkan kebolehan berinteraksi dan berdialog peradaban sesama serta berlainan budaya” amat menekankan kepada kepentingan para pelajar untuk memperolehi elemen kemahiran insaniah dari segi berkomunikasi dan kerja berpasukan (Penyelarasan Hasil Pembelajaran Kursus – Program, Strategi Pembelajaran dan Kaedah Penilaian, Dokumen MQF).

Pelajar diharapkan agar berkebolehan dalam perundingan dan berupaya mencapai persetujuan. Mereka seharusnya berupaya untuk memahami pandangan dan pendapat rakan perbincangan untuk menerima atau menolak sebarang keputusan kumpulan. Tiga elemen kemahiran berkomunikasi (CS) yang perlu dikuasai oleh pelajar terdiri daripada CS1, CS2 dan CS3. CS1 ialah kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis. CS2 pula ialah kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas. Sementara CS3 ialah kebolehan untuk membuat pembentangan yang terang dengan penuh yakin bersesuaian dengan tahap pendengar. Kesemua ini adalah elemen kemahiran insaniah yang diterapkan di dalam kursus TITAS di Universiti Malaya (Panduan Taksonomi Pengajaran dan Pembelajaran & Elemen Kemahiran Insaniah, 2010).

Kemahiran kerja berpasukan (TS) melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama. Kerja berpasukan bermaksud kerja yang dilaksanakan oleh individu yang mempunyai ciri yang berbeza yang bekerja dalam satu kumpulan yang mempunyai matlamat yang sama untuk menyiapkan sesuatu tugas. Terdapat lima elemen kemahiran insaniah kerja berpasukan menurut modul kemahiran insaniah. Tiga daripadanya ialah kemahiran insaniah mesti iaitu TS1, TS2 dan TS3. TS1 ialah kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama. TS2 ialah kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan dan TS3 ialah kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain (Jamaludin Haji Badusah et al, 2009; Panduan Taksonomi Pengajaran dan Pembelajaran & Elemen Kemahiran Insaniah, 2010).

Bermula Sesi 2014/2015 strategi pembelajaran yang dilaksanakan adalah lebih pelbagai dan memantapkan lagi penerapan dan penilaian kemahiran insaniah tersebut. Strategi pembelajaran yang dimaksudkan ialah lawatan ilmiah, kerja kursus dan pembentangan. Kaedah penilaiannya adalah melalui ulasan lawatan ilmiah, sesi dialog, hasil kerja kursus dan pembentangan (Penyelarasan Hasil Pembelajaran Kursus – Program, Strategi Pembelajaran dan Kaedah Penilaian, Dokumen MQF).

Berdasarkan kepada Hasil Pembelajaran Kursus yang kedua iaitu “Mengaplikasikan nilai-nilai murni yang dikongsi bersama bagi memantapkan sahsiah, semangat persefahaman dan saling menghormati antara pelbagai tamadun dan agama”, jelaslah bahawa elemen etika dan moral profesional amat perlu menjadi kemahiran insaniah yang diterapkan di dalam kursus ini. Elemen ini akan dinilai melalui strategi pembelajaran lawatan ilmiah, kerja kursus dan pembentangan. Manakala empat kaedah penilaian digunakan iaitu ulasan lawatan ilmiah, sesi dialog, kerja kursus dan pembentangan (Penyelarasan Hasil Pembelajaran Kursus – Program, Strategi Pembelajaran dan Kaedah Penilaian, Dokumen MQF).

Setiap daripada tugas yang diberikan adalah secara berkumpulan. Bagi memperoleh hasil tugas yang baik, elemen kerja berpasukan dan kemahiran berkomunikasi adalah amat perlu ditekankan oleh pelajar sepanjang proses menyiapkan tugas. Kerja berkumpulan adalah asas kepada membina kemahiran kerja berpasukan. Bagi membolehkan pelajar memperoleh kemahiran tersebut, kerja kursus atau tugas perlu dilakukan secara berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik.

Selain itu, pelajar juga akan dinilai semasa sesi pembentangan dilakukan. Pelajar yang mendengar perlu memberi perhatian dan mengajukan soalan atau kemusykilan kepada kumpulan yang membentang. Keberkesanan interaksi akan dilihat dari segi cara melontarkan soalan dan menjawab dengan berhemah. Pelajar perlu belajar mengawal suasana untuk mengelakkan sebarang ketegangan yang mungkin berlaku semasa berlangsungnya sesi ini. Melalui pengalaman ini, pelajar akan mempelajari sikap bertolak ansur dan memilih cara berkomunikasi yang lebih baik bagi membentuk interaksi yang harmoni.

Selain pembentangan, lawatan ilmiah juga merupakan salah satu strategi pembelajaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS. Lawatan ini adalah berdasarkan kepada pemahaman budaya, agama kaum yang pelbagai dan isu-isu semasa di Malaysia. Lawatan ilmiah dilakukan di tempat-tempat ibadah, pusat kebudayaan, badan kebajikan, agensi yang menangani isu sosial dan sebagainya. Matlamat utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar. Semasa lawatan tersebut, sesi dialog diadakan antara pelajar dengan pihak yang mengendalikan tempat lawatan bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai satu-satu perkara yang selama ini hanya bersifat persepsi sahaja.

Seterusnya di akhir proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini, pelajar dapat menguasai elemen moral dan etika profesional yang merupakan salah satu daripada elemen kemahiran insaniah. Secara makro, aspek moral merupakan panduan untuk menjadikan individu yang bermoral tetapi secara mikro, individu hanya dianggap bermoral apabila pemikiran, emosi dan tingkah lakunya konsisten dalam melakukan perkara-perkara yang diterima dalam masyarakat Malaysia (Vishalache Balakrishnan, 2009). Moral juga mempunyai hubungan dan sangat berkait dengan etika. Etika merupakan sebahagian daripada cara manusia berurusan dalam kehidupan seharian, maka ia sangat penting kepada individu, keluarga, organisasi dan masyarakat. Bahkan dilihat dalam konteks sejagat, ia sangat penting kepada manusia seluruhnya (Ibrahim Mamat, 2000).

Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan bahawa para pelajar seharusnya mempunyai etika dan prinsip yang jelas terhadap sebarang tindakan mereka. Tingkah laku mereka seharusnya selari dengan etika dan budaya masyarakat. Pelajar juga harus mampu membuat keputusan yang tidak mementingkan diri sendiri dan anggota keluarga apabila memberikan pertimbangan dalam masyarakat (Jamaludin Haji Badusah et al, 2009). Oleh itu, dengan strategi pembelajaran yang pelbagai dari segi aktiviti dan melibatkan tugas berkumpul membolehkan para pelajar melalui sendiri pengalaman berinteraksi

dengan ahli-ahli kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum. Lawatan ilmiah yang dilakukan juga memantapkan lagi pemahaman tentang budaya dan tamadun lain serta ini memberi kesan kepada tingkah laku mereka apabila berada di dalam situasi yang berbeza daripada budaya asal.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran dan kaedah penilaian yang digunakan serta KI yang diterapkan dalam diri pelajar. Strategi pembelajaran yang menjadi fokus adalah lawatan ilmiah, kerja kursus dan pembentangan. Sebagai satu kajian awal, hanya dua elemen KI yang menjadi fokus iaitu kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran berkomunikasi. Seterusnya, pencapaian pelajar dalam memperoleh KI akan dianalisis untuk melihat keberkesanan strategi pembelajaran yang digunakan di dalam kursus ini.

Item	STS	TS	AS	S	SS
	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus
Lawatan Ilmiah	5 (4.1%)	10 (8.3%)	12 (10%)	68 (56.6%)	25 (20.8%)
Tugasan	20 (16.6%)	15 (12.5%)	15 (12.5%)	60 (50%)	20 (16.6%)
Pembentangan	5 (4.1%)	10 (8.3%)	8 (6.6%)	65 (54.1%)	32 (26.6%)

Jadual 1: Persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran (Kaedah Penilaian)

Berdasarkan Jadual 1, sebahagian besar pelajar bersetuju dengan kerja kursus yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Bagi aktiviti lawatan ilmiah, seramai 68 (56 peratus) pelajar tidak menghadapi masalah untuk melaksanakan kerja kursus tersebut. Manakala, 25 (20.8 peratus) pelajar lagi sangat setuju dengan aktiviti lawatan ilmiah. Walau bagaimanapun, 12 (10 peratus) pelajar lagi agak setuju dengan lawatan ilmiah ini, diikuti seramai 15 (12.5 peratus) pelajar tidak bersetuju dengannya dan seramai 5 (4.1 peratus) pelajar amat tidak bersetuju dengan pelaksanaan lawatan ilmiah. Bagi kerja kursus lain iaitu tugasan, seramai 60 (50 peratus) pelajar setuju dan 20 (16.6 peratus) pelajar amat setuju dengan tugasan ini. Pembentangan pula menunjukkan seramai 65 (54.1 peratus) pelajar setuju dan 32 (26.6 peratus) pelajar amat setuju dengan tugasan tersebut. Antara ketiga-tiga kerja kursus tersebut, lawatan ilmiah paling disukai oleh pelajar dan diikuti oleh pembentangan. Keadaan ini disebabkan oleh penglibatan pelajar di dalam aktiviti di luar kelas dan mereka menghasilkan laporan berbentuk video. Aktiviti seperti ini memang digemari oleh pelajar yang mana mereka perlu berkunjung ke tempat-tempat yang menarik dan baharu bagi mereka. Sebagai generasi masa

kini, mereka juga gemar menunjukkan kreativiti dalam sesuatu yang di luar daripada kebiasaan seperti menghasilkan video berbanding menghasilkan laporan bertulis.

Setiap aspek KI yang dinilai dalam pelaksanaan kerja kursus juga perlu dilihat bagi memastikan keberkesanan kesepaduan atau penerapan KI. Di dalam Jadual 2, bagi KI bagi kerja berpasukan disebut sebagai aplikasi nilai dalam kerja kumpulan dan telah dibahagikan kepada tiga kriteria iaitu mengikut CS1, CS2 dan CS3.

Item	STS	TS	AS	S	SS
	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus
Membina hubungan baik, berinteraksi, bekerja secara efektif.	10 (8.3%)	10 (8.3%)	25 (20.8%)	57 (47.5%)	18 (20.8%)
Memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua dan ahli.	40 (33.3%)	60 (50%)	10 (8.3%)	10 (8.3%)	0 (0%)
Mengenal, menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.	5 (4.1%)	5 (4.1%)	35 (29.2%)	65 (54.2%)	10 (8.3%)

Jadual 2: Persepsi pelajar terhadap KI Kerja Berpasukan

Jadual 2 menunjukkan bahawa kriteria mengenal, menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain adalah perkara yang paling tinggi berlaku dan dipersetujui oleh pelajar sebagai aspek penilaian dalam kerja berpasukan. Seramai 65 (54.2 peratus) pelajar bersetuju, 10 (8.3 peratus) pelajar amat bersetuju dan 35 (29.2 peratus) pelajar agak setuju bahawa aspek tersebut berlaku dan dilaksanakan dalam kumpulan mereka. Bagi membina hubungan baik, berinteraksi, bekerja secara efektif menunjukkan seramai 57 (47.5 peratus) pelajar bersetuju, 10 (15 peratus) pelajar sangat bersetuju dan 25 (20.8 peratus) pelajar agak bersetuju terhadap kriteria ini untuk dinilai dan mereka telah melaksanakannya di dalam kerja berkumpulan. Namun begitu, bagi aspek memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua dan ahli didapati tidak dipersetujui oleh sebahagian besar pelajar. Seramai 60 (50 peratus) pelajar tidak bersetuju dan 40 (33.3 peratus) pelajar sangat tidak setuju serta tidak melaksanakan atau berlaku di dalam kerja berpasukan. Pelaksanaan kerja kursus telah mendorong pelajar untuk berinteraksi dengan ahli kumpulan dengan lebih berkesan sepanjang proses menghasilkan tugas. Mereka dapat memupuk sikap saling menghormati, bertolak ansur dan bekerjasama dengan ahli kumpulan walaupun terdiri daripada rakan-rakan yang berbeza latar belakang.

Berikutnya adalah dapatan kajian mengenai persepsi pelajar terhadap KI bagi kemahiran

berkomunikasi. Berdasarkan Jadual 3, ketiga-tiga kriteria yang dinilai menunjukkan keputusan yang hampir sama diberikan oleh pelajar.

Item	STS	TS	AS	S	SS
	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus	Frknsi Peratus
Menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis.	2 (1.6%)	10 (8.3%)	22 (18.3%)	66 (55.0%)	20 (16.6%)
Mendengar dengan aktif dan memberi maklum balas.	2 (1.6%)	10 (8.3%)	20 (16.6%)	68 (56.6%)	20 (16.6%)
Pembentangan yang terang, penuh yakin bersesuaian dengan tahap pendengar.	2 (1.6%)	10 (8.3%)	20 (16.6%)	66 (55.0%)	22 (18.3%)

Jadual 3: Persepsi pelajar terhadap KI Kemahiran Berkomunikasi

Kebolehan mendengar dengan aktif dan memberi maklum balas adalah yang paling tinggi mendapat respons daripada pelajar dari segi pelaksanaannya iaitu seramai 68 (56.6 peratus) pelajar yang bersetuju, 20 (16.6 peratus) pelajar sangat setuju. Bagi kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis seramai 66 (55 peratus) yang bersetuju dan 20 (16.6 peratus) agak setuju dengan aspek ini sebagai elemen yang dinilai dan telah dilaksanakan semasa pembentangan. Begitu juga dengan kebolehan membentangkan dengan terang, penuh yakin bersesuaian dengan tahap pendengar yang menunjukkan seramai 66 (55 peratus) pelajar, seramai 22 (18.3 peratus) pelajar lagi sangat bersetuju dan 20 (16.6 peratus) pelajar agak setuju dengan elemen ini untuk dinilai serta telah dilaksanakan oleh mereka. Kerjasama yang tinggi ditunjukkan oleh pelajar semasa membentangkan hasil kerja kursus mereka. Setiap ahli dapat hadir semasa pembentangan dan menunjukkan kerjasama semasa berlangsungnya sesi pembentangan. Semasa bersoal jawab juga mereka dapat mengawal suasana, memahami tentang keperluan untuk mengekalkan suasana harmoni serta tidak menyentuh mengenai perkara-perkara yang sensitif dan membangkitkan rasa kurang senang pendengar.

Pencapaian pelajar turut dilihat berdasarkan kepada hasil analisis pencapaian KI yang diperolehi daripada kaedah penilaian kerja kursus yang telah dilaksanakan.

Item	Frekuensi	Peratus
Kemahiran Kerja Berpasukan	120	100
Kemahiran Berkomunikasi	120	100

Jadual 4: Pencapaian pelajar dalam Kemahiran Insaniah

Berdasarkan Jadual 4, keseluruhan pelajar iaitu 120 orang atau 100% mencapai KI kerja berpasukan yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan KI kemahiran berkomunikasi menunjukkan kesemua pelajar mencapai kriteria yang telah ditetapkan dalam penilaian yang mana ia adalah berdasarkan kepada pembentangan kerja kursus yang dilaksanakan oleh para pelajar tersebut. Memandangkan persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran dan kaedah penilaian yang baik, ini telah memberi kesan yang baik juga kepada pencapaian yang diperoleh dalam penilaian kerja kursus dan pencapaian KI mereka. Didapati bahawa pelajar tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan tugas secara berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang. Mereka juga kurang berminat untuk melaksanakan tugas berbentuk laporan bertulis berbanding tugas yang dilihat lebih menyeronokkan seperti lawatan ilmiah dan menghasilkan video. Oleh itu, seharusnya strategi pembelajaran dan kaedah penilaian perlu dipelbagaikan oleh pelaksana kursus TITAS bagi memastikan ia kekal relevan dan mantap sebagai medium dalam menyampaikan hasrat matlamat pelaksanaan kursus ini di IPT.

## Kesimpulan

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan kursus TITAS di IPT merupakan sumbangan yang tidak ternilai untuk memperkukuh jati diri Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang mengamalkan toleransi yang tinggi. Pendedahan mengenai pelbagai tamadun memberikan pengetahuan yang amat berguna kepada para pelajar. Kefahaman dan penghayatan kursus ini membantu memastikan kelangsungan nilai-nilai ketamadunan dalam pembinaan tamadun Malaysia. Oleh itu, penambahbaikan perlu terus dilakukan kepada kursus ini bagi memantapkannya lagi dan menjadikannya relevan dalam mencapai hasrat utama pelaksanaan kursus ini.

Pelaksanaan kursus TITAS di Universiti Malaya bagi Sesi 2014/2015 adalah untuk membantu menerapkan kemahiran berinteraksi dalam kalangan pelajar khususnya dari segi kemahiran kerja berkumpulan, berkomunikasi dan penguasaan terhadap elemen moral dan etika profesional. Melalui pengajaran dan pembelajaran kursus ini akan lebih berjaya memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai nilai-nilai sejagat serta menyatukan pelajar yang terdiri daripada latar belakang budaya yang berbeza. Kesedaran yang mendalam mengenai nilai-nilai sejagat

membantu memupuk kesefahaman dalam sesebuah masyarakat. Kesedaran ini mempunyai nilai pendidikan yang tinggi dalam membentuk kesejahteraan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya.

## Rujukan

- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron. (2000). Pengajian Umum di Alaf Baru. Dalam Wan Kamal Mujani (eds.). *Tamadun Islam Dalam Pendidikan Liberal: Pendekatan yang Sewajarnya pada Alaf Baru*. Cet. 1. Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM.
- Andreas Totu. (2010). Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa: Pengalaman dan Cabaran. Dalam *MALIM - Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol. 11. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- Azizi Yahaya, et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Alam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Good, T. L. & Brophy, J. E. (1990). *Educational Psychology: A Realistic Approach*. White Plains: Longman.
- Hashim Hj. Musa. (2005). Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik Yang Holistik. Dalam *Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan 2005*. Diselenggara oleh Unit TITAS, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): UiTM Shah Alam.
- Ibrahim Mamat. (2000). *Etika untuk Mahasiswa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd. Majid Konting, Turiman Suani, Maria Salih & Norhafezah Yusof. (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Martin, J. R. (1994). *Changing the Educational Landscape: Philosophy, Women and Curriculum*. New York: Routledge.
- Mok Soon Sang. (2010). *Pedagogi Untuk Pengajaran-Pembelajaran*. Puchong. Penerbitan Multimedia.
- Muhamad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. Dalam *MALIM - Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol. 11. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- Osman Abu Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (eds.). (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.



- Panduan Taksonomi Pengajaran dan Pembelajaran & Elemen Kemahiran Insaniah. (2010). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Pecher, D., & Zwaan, R. A. (2005). *Grounding cognition: The role of perception and action in memory, language, and thinking*. *Grounding Cognition: The Role of Perception and Action in Memory, Language, and Thinking*. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511499968>
- Pemetaan: Kursus – Kemahiran Insaniah. (t.t). Universiti Malaya.
- Penyelarasan Hasil Pembelajaran Kursus – Program, Strategi Pembelajaran dan Kaedah Penilaian. (t. t). Universiti Malaya.
- Proforma Kursus GXEX1414 TITAS, (t.t). Universiti Malaya.
- Polit, D.F., Beck, C.T. and Hungler, B.P. (2001), *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization*. 5th Ed., Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins
- Schuman, L. (1996). Perspectives on Instruction. Diperoleh dari <http://edweb.sd.su.edu/courses/edtec540?perspective/s/perspective.html>. pada 22 Ogos 2009. Dipetik daripada Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd. Majid Konting, Turiman Suani, Maria Salih & Norhafezah Yusof. *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. 2009. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syed Hussein Alatas. (1998). Philosophical Foundation of General Education. Dalam Abdul Kadir Hj Din dan Mus Chairil Samani (eds.). *General Studies: The Education of Man*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- Vishalache Balakrishnan (2009), *Pendidikan Moral Untuk Universiti dan Kolej*, Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. (2006). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. (2001). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Dokumen MQF dan SKET, Universiti Malaya.
- Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad, Normala Othman, (2010) *Kesan penawaran kursus umum universiti ke atas pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta*. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 11 . pp. 73-89.